

Usaha wujud bangsa Malaysia

Cari titik

RM 28 MAY 1991

pertemuan

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya jangan menonjolkan aspek-aspek perbezaan kaum di negara ini, sebaliknya menumpukan kepada persamaan di kalangan mereka.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, rakyat jangan sengaja menghapuskan apa yang dicapai dalam usaha mewujudkan bangsa yang bersatu-padu dan menjejaskan hasrat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

"Semua kaum di Malaysia sudah pun menyerapkan aspek kebudayaan kaum-kaum lain. Janganlah kita sengaja menghapuskan apa yang sudah diserapkan ini, kerana ingin mengasingkan diri," katanya ketika merasmikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Perpaduan Negara di sini.

Menurutnya, tanpa perpaduan dan keharmonian kaum, kita tidak dapat memupuk persekitaran politik, sosial dan ekonomi yang mampu membawa negara ke tahap lebih maju. Malah, perpaduan adalah prasyarat utama yang mesti wujud dalam masyarakat sebelum kita memanggil diri kita sebuah negara.

"Perpaduan yang ingin kita pupuk ialah rakyat berbilang keturunan dan agama di Malaysia mempunyai satu perasaan kekitaan dan beridentiti sebagai warganegara dan bangsa Malaysia, yang mampu melampaui batasan identiti kaum dan negeri mereka.

"Sudah pasti, bangsa yang bersatu-padu yang ingin dibentuk itu harus berlandaskan semangat kesetiaan, ketaatan dan patriotisme yang tinggi yang tidak berbelah bahagi kepada negara," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selepas 20 tahun merdeka, isu taat setia kepada negara tidak harus menjadi tanda

tanya lagi walaupun tahap patriotisme masih boleh dipertingkatkan.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, pengetahuan mengenai fungsi tertentu dalam Perlembagaan dan Rukunegara amat penting bagi warganegara Malaysia.

"Oleh kerana semua rakyat memiliki rukun yang sama, tidak ada sesiapa yang harus berasa tersisih kerana memikirkan pihak lain berhak atau kurang berhak.

"Dengan demikian, Rukunegara menjadi tiang menjulang negara dan setiap rakyat bertanggungjawab menegakkan tiang-tiang ini. Negara akan jatuh dan hancur jika kelima-lima tiang ini tidak ditegakkan oleh rakyat," katanya.

LAGI BERITA DAN GAMBAR MUKA 2

Sambil mengakui Perlembagaan dan Rukunegara tidak sunyi daripada kecacatan, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, jika prestasi negara dalam bidang keamanan dan pembangunan diambilkira, prinsip kedua-duanya tidaklah sebegitu cacat.

"Yang perlu sekarang ialah bagaimana menambah keberkesanan Perlembagaan dan Rukunegara dalam pembentukan perpaduan di kalangan rakyat. Panel Penasihat Perpaduan Negara harus bergerak dalam konteks ini.

"Kita mengadakan panel ini kerana kita sedar kita tidak sempurna dan tidak mungkin sempurna. Dalam keadaan serba cacat ini, kita memerlukan nasihat mengenai apakah yang harus dibuat lagi untuk mencapai perpaduan lebih erat," katanya.